

PROGRAM PENGUJIAN SEMULA KENDERAAN MOTOSIKAL DI MENARA PERSEKUTUAN, MITC MELAKA

27 OGOS 2021, MELAKA - Jabatan Alam Sekitar Cawangan Taboh Naning, Negeri Melaka telah melaksanakan program pengujian semula kenderaan motosikal bagi pematuhan terhadap Peraturan-Peraturan (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987.

Program ini diketuai oleh Unit Kenderaan Bermotor (UKB), Jabatan Alam Sekitar Cawangan Taboh Naning yang berlangsung di kawasan parkir Menara Persekutuan, MITC Melaka.

Pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 akan terus dipergiatkan supaya pencemaran alam sekeliling dapat dibendung bagi memastikan kelestarian alam sekitar terus terjaga.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama